

Dr Mahathir mena tanpa bertanding

BH 27 MAR 2000

Oleh Kadir Dikoh, Jamhariah Jaafar dan Zulkofli Jamaluddin

● Pak Lah perlukan satu pencalonan lagi untuk sandang jawatan timbalan

KUALA LUMPUR, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengekalkan jawatan Presiden Umno tanpa bertanding pada pemilihan parti 11 Mei ini apabila semua 35 bahagian yang bermesyuarat hari ini mencalonkannya.

Ini menjadikan Perdana Menteri kini mengumpul 133 pencalonan, melebihi jumlah minimum 116 pencalonan bagi mengetepikan sebarang cabaran untuk jawatan itu. Beliau akan disahkan ke jawatan presiden secara rasmi pada perhimpunan agung Umno nanti.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula memerlukan satu lagi pencalonan bagi memenangi jawatan Timbalan Presiden tanpa bertanding.

Walaupun turut menerima 35 pencalonan hari ini menjadikan 132 bahagian mencalonkannya setakat ini, Abdullah perlu menerima 133 pencalonan bagi memastikannya menang tanpa dicabar.

Sehingga hari ini, 134 daripada 165 bahagian sudah mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing. Hanya 31 bahagian lagi yang belum mengadakan mesyuarat mereka.

Syarat pertandingan bagi jawatan presiden memerlukan pencalonan sekurang-kurangnya 30 peratus atau 50 daripada 165 bahagian, manakala 25 peratus pencalonan atau 133 bahagian bagi jawatan timbalan presiden.

Pencabar tunggal bagi dua jawatan tertinggi itu, Tengku Razaleigh Hamzah setakat ini cuma mendapat satu

pencalonan untuk jawatan presiden dan memerlukan 49 pencalonan lagi untuk layak bertanding.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan itu juga cuma memperoleh dua pencalonan untuk jawatan timbalan presiden. Berikutan itu, agak mustahil bagi Tengku Razaleigh bertanding bagi dua jawatan tertinggi Umno kali ini, jika beliau berhasrat berbuat demikian.

Bagaimanapun, Tengku Razaleigh masih berpeluang bertanding jawatan naib presiden. Hari ini, beliau menerima dua pencalonan iaitu daripada Kuala Pilah dan Lembah Pantai, menjadikan enam pencalonan bagi jawatan itu.

Beliau perlu mendapat 11 pencalonan lagi bagi melayakkannya bertanding kerusi naib presiden, yang pernah disandangnya 20 tahun lalu.

Semua 35 bahagian yang mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah hari ini ialah Pontian, Kluang, Muar, Pagoh, Kota Tinggi, Labis, Batu Pahat, Tebrau dan Pulau di Johor.

Umno bahagian Batu, Bukit Bintang, Titiwangsa, Lembah Pantai, Wangsa Maju di Wilayah Persekutuan; Kangar (Perlis); Balik Pulau, Kepala Batas, Permatang Pauh, Bukit Bendera (Pulau Pinang); Tampin, Teluk Kemang, Kuala Pilah, Jelebu, (Negeri Sembilan); Gaya (Sabah); Chenderoh, Parit Buntar, Bagan Serai, Pasir Salak, Tambun,

**LIHAT MUKA 2,
RUANG 1**

Najib dapat 29 lagi pencalonan

BH 27 MAR 2000
DARI MUKA 1

Tanjung Malim, Parit, Larut (Perak); Paya Besar dan Lipis (Pahang) dan PJ Selatan (Selangor).

Sementara itu, tiga lagi calon Naib Presiden - Tan Sri Muhyiddin Yassin, Tan Sri Mohd Isa Samad dan Datuk Dr Rais Yatim, melepasi syarat kelayakan apabila masing-masing memperoleh 27 (termasuk 13 hari ini), 22 (enam hari ini) dan 19 (tujuh hari ini) pencalonan.

Sebelum ini, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid Albar melepasi kelayakan apabila mendapat 32 pencalonan, diikuti Ketua Menteri Sabah, Datuk Osu Sukam (28), penyandang naib presiden, Tan Sri Muhammad Muhd Taib (23).

Datuk Seri Najib Tun Razak terus mendahului apabila mendapat 29 lagi bahagian mencalonkannya hari ini termasuk dari bahagian Kepala Batas, menjadikannya jumlah pencalonan 122.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman juga mendapat 20 lagi pencalonan hari ini, menambahkan jumlahnya kepada 71, manakala Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar mendapat 48 pencalonan termasuk sembilan hari ini.

Semalam, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein memenangi jawatan Ketua Pergerakan Pemuda Umno yang dipangkunya sejak 1998, tanpa dicabar selepas mencapai pencalonan melebihi had maksimum 133 bahagian.